

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG**  
**KAWASAN : TANJONG PIAI**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah tambahan yang diambil bagi memastikan keselamatan jalan raya di laluan sepanjang 2km dari Bandar Pekan Nanas ke Jalan Sawah di mana terdapat 2 buah sekolah menengah dan sebuah sekolah agama di laluan tersebut dan jalan berkenaan juga merupakan jalan alternatif ke lebuhraya PLUS.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan kementerian ini mendapati jalan dari Pekan Nanas ke Jalan Sawah, Pekan Nanas itu merupakan Jalan Negeri (J113), iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Johor. Sehubungan itu cadangan bagi menambah baik aspek keselamatan di laluan tersebut akan dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Johor melalui pihak JKR Negeri Johor.

Sekian. Terima kasih.